

PAPAKAN MONGINTURU TADAU: MAKNA SIMBOLIK UPACARA HARI KETUJUH DALAM ADAT KEMATIAN KADAZANDUSUN

Papakan Monginturu Tadau: The Symbolic Meaning of the Seventh-Day Ritual in Kadazandusun Funeral Custom

Constantine Walter ¹, Norjieta Julita Taisin^{2*}

^{1,2} Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

¹m20242001932@siswa.upsi.edu.my & ²norjieta@fbk.upsi.edu.my*

*Penulis koresponden

Diterima: 18 Sept 2025; **Disemak semula:** 21 Okt 2025 **Diterima:** 25 Nov 2025; **Diterbitkan:** 26 Dis 2025

To cite this article (APA): Walter , C., & Taisin, N. J. . (2025). Papakan Monginturu Tadau: Makna Simbolik Upacara Hari Ketujuh dalam Adat Kematian Kadazandusun. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(2), 28-36. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.3.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.3.2025>

ABSTRAK

Penulisan ini meneliti makna simbolik dan nilai kemanusiaan dalam ritual *Papakan Monginturu Tadau* (memberi makan pada hari ketujuh kematian) masyarakat Kadazandusun di Kampung Toboh Laut, Keningau, Sabah. Ritual ini bukan sahaja berfungsi sebagai penghormatan terakhir kepada si mati, tetapi turut memperkukuh solidariti komuniti melalui amalan pantang larang, gotong-royong, dan penyertaan kolektif. Pendekatan kualitatif digunakan melalui temu bual mendalam, kajian etnografi, dan analisis lisan terhadap teks pesan yang diucapkan oleh ketua upacara. Hasil dapatan menunjukkan bahawa ritual ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan nilai kekeluargaan, hubungan sosial, dan warisan budaya lisan masyarakat Kadazandusun. Amalan ini terus hidup dalam arus pemodenan sebagai falsafah hidup yang menegaskan keseimbangan antara manusia, roh, dan alam semesta.

Kata kunci: *Papakan Monginturu Tadau*, Kadazandusun, simbolisme kematian, solidariti komuniti, warisan budaya, falsafah hidup

ABSTRACT

This paper examines the symbolic meanings and humanistic values of the Papakan Monginturu Tadau ritual (the seventh-day feeding ceremony for the deceased) among the Kadazandusun community in Kampung Toboh Laut, Keningau, Sabah. The ritual not only serves as a final tribute to the deceased but also strengthens community solidarity through collective participation, taboos, and mutual cooperation. A qualitative approach was employed through in-depth interviews, ethnographic observation, and oral analysis of the messages recited by the ritual leader. The findings reveal that the ritual plays a crucial role in preserving family values, social bonds, and the oral cultural heritage of the Kadazandusun people. Despite the pressures of modernization, the practice continues to live on as a cultural philosophy that emphasizes the balance between humans, the spirit world, and the natural environment.

Keywords: *Papakan Monginturu Tadau*, Kadazandusun, death symbolism, community solidarity, cultural heritage, philosophy of life.

PENGENALAN

Kematian sentiasa diiringi oleh pelbagai bentuk ritual yang mencerminkan sistem kepercayaan, nilai sosial dan hubungan manusia dengan alam transenden. Walaupun setiap masyarakat mempunyai bentuk, amalan dan simbolisme yang berbeza, namun fungsi asas ritual kematian tetap sama iaitu sebagai mekanisme yang membantu menguruskan peralihan roh daripada dunia kehidupan kepada alam kewujudan yang seterusnya. Ritual-ritual ini bukan sahaja berperanan sebagai proses pengurusan jasmani si mati, tetapi turut menjadi ruang bagi komuniti menzahirkan emosi, memperkukuh hubungan sosial, serta mengekalkan kesinambungan nilai budaya dan spiritual.

Sebagai contoh, kematian dalam kepercayaan masyarakat Jawa tidak ditafsirkan semata-mata sebagai penghujung kehidupan, tetapi dilihat sebagai proses kembali kepada asal-usul kejadian manusia. Abdul Karim (2017) menegaskan bahawa segala kedudukan dan peranan sosial seseorang tidak lagi mempunyai makna setelah kematian berlaku, sebaliknya roh memasuki satu tahap kewujudan yang lebih suci dan sempurna. Maka, pelbagai ritual seperti bacaan doa, penyediaan persembahan, pembahagian harta pusaka dan penyelesaian hutang dilaksanakan sebagai bentuk tanggungjawab moral dan spiritual keluarga terhadap si mati. Tindakan ini bukan sahaja melambangkan penghormatan terakhir, tetapi juga mencerminkan kepercayaan bahawa kesejahteraan roh bergantung pada keteraturan sosial yang dijaga oleh ahli keluarga yang masih hidup.

Dalam konteks masyarakat Kadazandusun, kematian dianggap sebagai suatu peralihan yang mengubah kedudukan roh daripada dunia fizikal kepada alam kerohanian. Seperti yang dijelaskan oleh Robert Hertz (1960, dalam Couderc, 2007) bahawa kematian tidak hanya merupakan peristiwa individu tetapi juga mempunyai implikasi yang mendalam terhadap struktur sosial sesebuah masyarakat. Kematian memisahkan masyarakat dengan individu yang meninggal daripada kumpulan sosial mereka. Hal ini memerlukan ritual pengurusan jenazah untuk membantu ahli-ahli yang masih hidup untuk membentuk semula hubungan sosial mereka dan mengintegrasikan semula individu yang meninggal dalam bentuk arwah atau leluhur. Masyarakat Kadazandusun, khususnya di Kampung Toboh Laut Keningau masih mengamalkan amalan ritual tradisional yang diwarisi turun-temurun. Salah satu ritual tersebut ialah *Papakan Monginturu Tadau* iaitu upacara memberi makan kepada roh si mati pada hari ketujuh selepas pengebumian sebagai simbolik perpisahan dengan si mati.

Ritual ini mempunyai beberapa dimensi yang kompleks dari segi spiritual yang bertujuan memastikan roh si mati beralih dengan aman dan tidak mengganggu dunia manusia. Dari sudut sosial pula, upacara ini dijalankan secara kolektif melalui amalan pantang larang, gotong-royong dan penyertaan menyeluruh masyarakat kampung. Seluruh masyarakat menghentikan aktiviti tertentu sebagai tanda hormat dan untuk mengekalkan keseimbangan kosmologi antara dunia manusia dan alam roh. Semangat kerjasama komuniti juga terserlah, apabila penduduk kampung berganding bahu menyiapkan makanan, menguruskan rumah kediaman si mati, serta memberi sokongan moral kepada keluarga yang berduka. Walau bagaimanapun, dalam era pemodenan yang semakin mencabar kelangsungan tradisi lisan, seperti *Papakan Monginturu Tadau* berhadapan dengan risiko kepupusan. Maka, kajian ini bertujuan menghuraikan struktur, kandungan dan fungsi sosial pesan-pesan lisan yang dilafazkan dalam ritual tersebut. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi temu bual, pemerhatian lapangan, penyertaan pengkaji secara langsung dan analisis lisan terhadap teks pesan, kajian ini diharapkan dapat menjelaskan nilai budaya yang terkandung dalam ritual ini.

SOROTAN LITERATUR

Dalam kajian mengenai ritual kematian, pelbagai penulis telah menekankan peranan penting ritual ini dalam memperkukuh nilai-nilai spiritual, kebudayaan, dan perpaduan dalam masyarakat. Ritual kematian bukan sahaja berfungsi sebagai perpisahan dengan si mati, tetapi juga sebagai medium untuk mengeratkan hubungan antara anggota komuniti, mengekalkan tradisi, dan memperkukuh identiti

kebudayaan. Iqbal Mustofa Fathurrahman (2024) menyatakan bahawa upacara kematian tradisional bukan sahaja berfungsi sebagai medium perpisahan dengan roh si mati, tetapi juga sarat dengan nilai spiritual dan falsafah hidup masyarakat. Dalam konteks masyarakat Jawa, elemen simbolik seperti makanan dan doa memainkan peranan utama dalam mengekalkan hubungan antara dunia nyata dan alam roh. Makanan yang disediakan dalam upacara kematian bukan sahaja untuk memenuhi keperluan fizikal, tetapi juga sebagai simbol penghormatan dan penghubung antara yang hidup dan yang telah meninggal. Doa yang dibacakan pula berfungsi sebagai permohonan kepada Tuhan untuk memberikan ketenangan kepada roh si mati dan sebagai pengharapan agar mereka sentiasa diingati.

Sementara itu, Putri Maulida et al. (2023) menekankan bahawa seni persembahan dalam ritual kematian di Aceh berfungsi sebagai media ekspresi emosi kolektif masyarakat serta sebagai bentuk penghormatan terakhir kepada si mati. Dalam konteks ini, seni persembahan seperti tarian dan muzik bukan sahaja menjadi hiburan, tetapi juga mencerminkan rasa duka dan kehilangan yang dirasakan oleh seluruh komuniti. Hal ini turut memperkukuh perpaduan masyarakat setempat kerana setiap individu terlibat dalam proses berkabung dan meratapi kematian anggota masyarakat mereka. Dengan cara ini, ritual kematian menjadi satu platform untuk mengeratkan hubungan sosial dan memperkuat ikatan kekeluargaan. Sementara itu, menurut Esperanza Ayu Viana Hoar Nahak et al. (2023), ritual "Ngaben" di Bali menggambarkan pemahaman mendalam masyarakat terhadap konsep kehidupan, kematian, dan kelahiran semula. Proses ritual ini memerlukan penglibatan kolektif yang menunjukkan sistem gotong-royong dan semangat kekeluargaan. Dalam ritual ini, masyarakat berkumpul untuk membantu keluarga si mati dalam persiapan upacara, menunjukkan bahawa kematian bukanlah urusan individu tetapi melibatkan seluruh komuniti. Elemen ini mencerminkan nilai-nilai solidariti dan kerjasama yang sangat dihargai dalam budaya Bali.

Manakala Sri Rahayu Nengsih (2021) dalam kajiannya menjelaskan bahawa budaya kematian dalam masyarakat Aceh Barat sangat dipengaruhi oleh syariat Islam, namun masih mengekalkan unsur adat tempatan yang berakar dari zaman silam. Keharmonian antara agama dan budaya dilihat sebagai kekuatan identiti masyarakat. Dalam konteks ini, ritual kematian menjadi satu cara untuk mengekspresikan kepercayaan agama sambil menghormati tradisi yang telah diwarisi. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Aceh Barat mampu mengintegrasikan nilai-nilai agama dengan amalan budaya mereka, menjadikan ritual kematian sebagai satu pengalaman yang holistik. Sementara itu, Katharina Kojang et al (2023) pula menjelaskan bahawa upacara kematian masyarakat Dayak Ngaju Kalimantan Tengah menjalankan ritual *Tiwah*. Ritual ini berperanan sebagai penghubung spiritual antara roh si mati dan kehidupan selepas mati. Ritual ini disertai dengan persembahan dan seni persembahan tradisional yang memperkuat ikatan sosial dalam masyarakat. Dalam ritual *Tiwah*, proses penguburan dan upacara yang diadakan bukan sahaja untuk menghormati si mati, tetapi juga untuk memastikan roh mereka dapat beristirahat dengan tenang dan tidak mengganggu kehidupan yang masih hidup. Ini menunjukkan betapa pentingnya ritual ini dalam menjaga keseimbangan antara dunia yang hidup dan dunia yang telah tiada.

Farah Alya et al (2024) menunjukkan bahawa masyarakat Bali menggunakan pelbagai jenis tarian dan muzik dalam ritual kematian sebagai bentuk penghormatan dan pelepasan jiwa. Ini menunjukkan betapa rapatnya hubungan antara seni dan spiritualiti dalam budaya kematian Bali. Tarian dan muzik yang dipersembahkan bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium untuk mengekspresikan rasa duka dan penghormatan kepada si mati. Dengan cara ini, seni menjadi satu cara untuk merayakan kehidupan si mati dan mengingatkan masyarakat tentang nilai-nilai yang telah mereka tinggalkan. Alda Nadia Ciptaningrum et al (2022) pula menyorot peranan masyarakat dalam menjaga kelestarian tradisi kematian melalui pewarisan nilai secara tidak formal dalam keluarga dan komuniti.

Pendidikan budaya dikatakan sebagai kunci kelangsungan amalan adat. Dalam konteks ini, generasi muda diajar tentang pentingnya menghormati tradisi dan nilai-nilai yang telah diwarisi daripada nenek moyang mereka. Ini memastikan bahawa ritual kematian tidak hanya menjadi satu upacara, tetapi juga satu proses pendidikan yang membentuk identiti dan nilai-nilai masyarakat. Dalam sorotan oleh Halina Sendera Mohd Yakin (2017) simbol dan estetika seni dalam ritual kematian mencerminkan pandangan kosmologi masyarakat dan merupakan media pendidikan budaya kepada generasi muda. Simbol-simbol yang digunakan dalam ritual kematian bukan sahaja mempunyai makna yang mendalam, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan ajaran dan nilai-nilai kepada generasi akan datang. Ini membantu dalam mengekalkan identiti budaya dan memastikan bahawa generasi muda memahami dan menghargai tradisi mereka.

Akhir sekali, menurut Iip Sarip Hidayana dan Rufus Goang Swaradesy (2021), ritual "Rambu Solo" masyarakat Toraja di Sulawesi Selatan memaparkan sinergi antara seni permainan rakyat, struktur sosial, dan pemaknaan spiritual terhadap kematian. Permainan tradisi dijadikan sebahagian daripada upacara bagi menggambarkan kesatuan, penghormatan, dan kesinambungan kehidupan. Dalam ritual ini, masyarakat Toraja menunjukkan bahawa kematian bukanlah akhir, tetapi satu peralihan ke alam yang lain, di mana kehidupan terus berlanjutan dalam bentuk yang berbeza. Secara keseluruhan, ritual kematian dalam pelbagai masyarakat bukan sahaja berfungsi sebagai perpisahan dengan si mati, tetapi juga sebagai medium untuk memperkukuh solidariti, nilai-nilai budaya, dan hubungan sosial dalam komuniti. Melalui penglibatan aktif dalam ritual ini, masyarakat dapat mengekspresikan emosi, menghormati tradisi, dan membina ikatan yang lebih kuat antara satu sama lain. Ritual kematian menjadi satu pengalaman kolektif yang memperkuat identiti dan nilai-nilai yang penting dalam masyarakat, memastikan bahawa warisan budaya terus hidup dan dihargai oleh generasi akan datang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mendapatkan pemahaman mendalam tentang makna dan fungsi ritual *Papakan Monginturu Tadau* dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Kajian ini menggunakan temu bual mendalam bersama pengamal budaya, ahli keluarga si mati dan penduduk kampung untuk meneroka pengalaman, kepercayaan serta simbolisme yang mengiringi ritual ini (Liamputtong, 2009). Kajian etnografi melalui pemerhatian langsung juga dilakukan sepanjang proses pantang tujuh hari dan pelaksanaan upacara bagi meneliti perbuatan budaya, penggunaan objek ritual serta dinamika sosial komuniti (Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin, 2021). Selain itu, teks pesan direkod, ditranskripsi dan diterjemahkan untuk tujuan analisis linguistik dan simbolik, khususnya dalam memahami peranan pesan sebagai warisan lisan yang menghubungkan dunia manusia dan alam roh (Liamputtong, 2009). Penglibatan langsung dalam aktiviti komuniti seperti gotong-royong turut membantu pengkaji memahami konteks sosial ritual dalam keadaan yang lebih autentik.

Pendekatan metodologi ini disokong oleh kerangka teori antropologi klasik iaitu Van Gennep menekankan bahawa kematian merupakan sebahagian daripada proses *rites of passage* yang melibatkan fasa pemisahan, ambang dan penyatuan semula (Van Gennep, dalam Baiduri, 2020). Justeru, hal tersebut menjadi justifikasi untuk menjalankan pemerhatian lapangan bagi meneliti fasa *liminal* dalam tempoh pantang. Turner (1969, dalam Hilmy et al., 2024) pula menegaskan bahawa keadaan liminal menghasilkan *communitas*, iaitu hubungan sosial yang lebih erat dan setara yang dapat dikenalpasti melalui penyertaan kolektif komuniti dalam ritual. Sementara itu, Durkheim melihat ritual sebagai mekanisme yang berfungsi membentuk dan mengekalkan solidariti sosial (Kamirudin, 2017). Hal ini menjadi justifikasi yang mengukuhkan keperluan temu bual dan pemerhatian bagi memahami fungsi ritual dalam memelihara kebudayaan komuniti setempat. Pendekatan emik turut diaplikasikan dengan memberi ruang kepada suara komuniti melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis pesan yang mana pengkaji berusaha memahami makna yang dihayati oleh masyarakat sendiri termasuk pantang larang,

simbol makanan, dan suasana berkabung agar interpretasi kajian tidak terpisah daripada konteks budaya asal. Gabungan kaedah temu bual, pemerhatian, analisis lisan dan kerangka teori ini membolehkan kajian menilai secara komprehensif tentang bagaimana ritual kematian berfungsi sebagai institusi sosial yang mengekalkan identiti budaya dan solidariti masyarakat Kadazandusun.

Lokasi kajian ini berada di Kampung Toboh Laut, Keningau, Sabah. Pemilihan lokasi ini dibuat kerana masyarakat di kampung tersebut masih mengamalkan adat kematian tradisional seperti upacara *Papakan Monginturu Tadau* walaupun majoriti penduduk telah menganut agama moden. Hal ini menunjukkan wujudnya kesinambungan antara kepercayaan tradisi dan amalan keagamaan yang berjalan seiring tanpa menjejaskan identiti budaya. Kampung Toboh Laut juga mempunyai keunikan sosiobudaya yang terserlah melalui semangat gotong-royong, kepatuhan terhadap pantang larang, serta penglibatan kolektif dalam setiap ritual kematian. Keadaan ini menjadikan kampung tersebut sebagai lokasi kajian yang sesuai untuk meneliti bagaimana adat kematian berfungsi sebagai saluran solidariti komuniti dan pendidikan budaya. Selain itu, dalam era kemajuan teknologi moden yang semakin mencabar, Kampung Toboh Laut masih mengekalkan tradisi lisan dan ritual sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian. Justeru, lokasi ini dipilih kerana ia bukan sahaja memperlihatkan kelangsungan warisan budaya Kadazandusun, tetapi juga menjadi contoh bagaimana masyarakat tempatan menyesuaikan diri dengan arus pemodenan sambil mengekalkan akar tradisi mereka.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pesan *Papakan Monginturu Tadau* (Pesan Upacara Hari ketujuh Kematian)

Kematian merupakan satu fasa penting dalam kitaran kehidupan manusia, peristiwa ini tidak hanya berfungsi sebagai pengakhiran biologikal, tetapi juga merupakan proses sosial dan simbolik yang memperkukuh struktur budaya sesebuah komuniti. Dalam pelbagai kebudayaan, termasuk masyarakat Kadazandusun, kematian bukan semata-mata pengakhiran bagi seorang individu, tetapi merupakan peristiwa komuniti yang sarat dengan makna spiritual, emosional, dan kolektif.

Dalam konteks masyarakat Kadazandusun di Kampung Toboh Laut Keningau, Sabah, kematian dilihat sebagai satu peralihan antara dunia nyata dan alam roh. Komuniti setempat mengamalkan pelbagai ritual dan adat yang diwarisi turun-temurun untuk menandai dan mengurus peristiwa ini. Tafsiran dan pengurusan terhadap kematian dalam masyarakat ini mencerminkan sistem nilai, pandangan kosmologi, serta struktur sosial yang mendalam selaras dengan pandangan Hertz (1960).

Salah satu amalan penting ialah pelaksanaan *pantang tujuh hari*, satu bentuk penghormatan kepada roh si mati dan simbol solidariti terhadap keluarga yang ditinggalkan. Menurut konsep *rites of passage* yang diperkenalkan oleh teori antropologi van Gennep (1909), kematian melibatkan tiga fasa iaitu, pemisahan (*separation*), ambang (*liminality*), dan penyatuan semula (*reincorporation*). Dalam konteks ini, fasa pantang di Kampung Toboh Laut menggambarkan keadaan *liminal*, iaitu satu tempoh peralihan simbolik yang menjauhkan individu dan komuniti daripada aktiviti harian bagi memberi ruang kepada proses spiritual dan pemulihan emosi.

Sepanjang tempoh pantang tersebut, masyarakat kampung menghentikan segala bentuk hiburan dan acara sosial bagi memberikan suasana yang lebih tenang dan penuh ketertiban sebagai tanda hormat kepada pemergian salah seorang anggota masyarakat. Perlakuan ini bukan sahaja tanda penghormatan kepada si mati, tetapi juga satu bentuk kawalan sosial yang menandakan keseriusan kehilangan kolektif. Menurut Durkheim (1995), kematian menjadi titik penting yang memperkukuh solidariti dalam masyarakat tradisional melalui ritual dan ekspresi emosi Bersama.

Semangat gotong-royong sangat terserlah dalam amalan kematian masyarakat Kadazandusun di Kampung Toboh Laut apabila seluruh komuniti berganding bahu dalam penyediaan makanan, penggalan kubur, dan urusan pengebumian. Bantuan kewangan dan moral turut diberikan kepada keluarga si mati. Minuman tradisional seperti tapai turut dihidangkan sebagai satu bentuk penenang emosi dan tanda kebersamaan penduduk kampung. Claude Lévi-Strauss (1963) menyatakan bahawa makanan dan minuman dalam konteks ritual bukan sekadar keperluan fizikal, tetapi juga membawa makna simbolik yang memperlihatkan kesinambungan budaya dan hubungan sosial.

Tempoh pantang tujuh hari turut melibatkan seluruh kampung bukan hanya ahli keluarga si mati. Aspek ini menunjukkan bahawa dalam budaya masyarakat Kadazandusun di Kampung Toboh Laut, kedukaan bukan ditanggung secara individu tetapi merupakan tanggungjawab bersama. Nilai empati kolektif ini memperlihatkan bagaimana kematian menjadi saluran perpaduan dan pengukuhan semula nilai-nilai sosial serta budaya dalam komuniti.

Papakan Monginturu Tadau (Upacara Memberi Makan Hari Ketujuh)

1. Koririkot hilo kalabangan

*Hondia ongoi kou akan
Hundi ngaawi takano
Nga kada ongoi popoilang iti dia poimata
Nga iya nopo tu nonsok no
om mogiilang kou nopo ikoyu tu nonsok
Moroboros ko nopo om mimboros no
Isai nopo di maan nu ponongkibasai*

2. Pason Pitongkiadan

*Hondia papaakan di baino
nga baino po motii
Mitongkiad tokou nodi
Kada nodi pangasau
Nokotongkiad kono
Nosomputul no tadau
Nokotugari no ngawi oo baang
(Maganu nondo titiis om maan nondo
pomitanai iri titiis do tinan di napatai
om maan pintibasai miampai do
boros manaru do ingkaa)*

3. Manaru

*Mongoi ko nopo pamaganggu
Hondia moti
Iti tulu nu tibason ku
Iti mato nu tibason ku
Iti tolingo nu tibason ku,
Iti kabang nu tibason ku
Iti liou nu tibason ku
Iti kangkab nu tibason ku
Iti longon nu tibason ku
Iti tunundu nu tibason ku
Iti tian nu tibason ku
Iti gakod nu tibason ku
Nung mongoi kono pangasau
Ilo suang walai nu*

Terjemahan bebas

Ketibaan di kuburan

*Pergilah makan
Ini semua makanan
Tapi jangan kongsi dengan yang masih mentah
Namun kamu semua yang sudah masak
Berkongsilah kamu semua
Kalau kamu mahu bercakap, katakan saja
Dengan siapa yang kamu berkenan*

Ucapan Perpisahan

*Kami datang memberikan makan
Tapi inilah yang terakhir
Kita sudah berpisah
Jangan lagi mengganggu
Kau sudah terpisah
Matahari pun sudah terbalik
Sungai juga telah terjungkit
(ambil kayu kecil dan ibaratkan dengan
badan si mati lalu tetak sambil memberikan
peringatan berikut)*

3. Manaru

*Jika kau datang mengganggu
Maka ini untuk mu
Kepala mu ku tetak
Mata mu ku tetak
Telinga mu ku tetak
Mulut mu ku tetak
Leher mu ku tetak
Dada mu ku tetak
Lengan mu ku tetak
Jantung mu ku tetak
Perut mu ku tetak
Kaki mu ku tetak
Jika kau datang mengganggu
Semua isi rumah mu*

Sumber: Temu bual bersama Puan Tinggayan Godsung, (87 tahun).

Analisis pesan dalam Papakan Monginturu Tadau

Berdasarkan teks dalam pesan yang dilafazkan dalam ritual *Papakan Monginturu Tadau*, memperlihatkan struktur makna yang terbahagi kepada tiga bahagian utama, iaitu ketibaan ahli keluarga di kuburan, ucapan perpisahan, dan bahagian *manaru* sebagai bentuk amaran simbolik kepada roh. Setiap bahagian bukan sahaja membawa mesej literal, tetapi turut mengandungi fungsi spiritual dan sosial yang mencerminkan kosmologi masyarakat Kadazandusun.

Bahagian pertama berperanan sebagai medium komunikasi antara dunia manusia dan dunia roh. Seruan seperti "*Hondia ongoi kou akan*" iaitu ajakan kepada roh untuk makan melambangkan keterbukaan komuniti untuk menerima kematian dan melepaskan roh secara terhormat. Pada masa yang sama, frasa larangan "*Nga kada ongoi popoilang iti dia poimata*" yang membawa maksud "jangan kongsi dengan yang masih mentah," menegaskan sempadan metafizik antara roh si mati dan jiwa mereka yang masih hidup. Makanan yang dipersembahkan bukan sekadar simbol pemisahan akhir, tetapi juga dianggap sebagai bekalan kepada roh si mati sebelum meninggalkan alam fizikal agar tidak menjadi hantu kelaparan di alam kematian. Hal ini menunjukkan bahawa dalam kerangka pemikiran Kadazandusun wujud kepedulian antara hubungan antara roh dan manusia hanya selesai melalui penyempurnaan ritual tertentu.

Bahagian kedua pula merupakan ucapan perpisahan yang menjelaskan bahawa hubungan antara roh dan keluarga telah terputus. Ungkapan seperti "*Hondia papaakan di baino nga baino po motii Mitongkiad tokou nodi*," yang bermaksud "kami datang memberikan makan, tapi inilah yang terakhir," menjadi deklarasi simbolik bahawa masyarakat telah melaksanakan tanggungjawab terakhir terhadap roh tersebut. Pada masa yang sama, frasa "*Kada nodi pangasau*," yang bermaksud "jangan lagi mengganggu," menandakan wujudnya batas kosmologi di mana roh perlu meneruskan perjalanannya tanpa mencampuri urusan dunia manusia. Perubahan kosmik yang digambarkan melalui metafora "*Nosomputul no tadau, Nokotugari no ngawi oo baang*" yang bermaksud "matahari pun sudah terbalik, sungai juga telah terjungkit" mencerminkan pergeseran keseimbangan antara dua alam serta menandakan berlakunya transisi kepada tahap kewujudan baharu.

Bahagian ketiga, iaitu *manaru*, mempunyai karakter linguistik yang lebih tegas dan ritualistik. Ancaman pemotongan anggota badan roh jika ia kembali mengganggu berfungsi sebagai mekanisme kawalan spiritual dan perlindungan komuniti. Dari sudut antropologi, bentuk ancaman simbolik sebegini dapat difahami sebagai tindakan memutuskan kemungkinan hubungan yang tidak diinginkan antara roh dan manusia. Elemen tersebut bukanlah untuk mencerminkan kebencian terhadap roh, tetapi sebaliknya bertindak sebagai jaminan keselamatan komuniti dalam kerangka kosmologi Kadazandusun. Dalam teori *rites of passage*, bahagian ini boleh ditafsirkan sebagai fasa pengesahan perpisahan (*reintegration*) yang mana dunia orang hidup ditegaskan semula sebagai ruang yang perlu dilindungi daripada campur tangan roh.

Secara keseluruhannya, pesan-pesan ini tidak hanya bertindak sebagai bacaan ritual, tetapi juga sebagai naratif budaya lisan yang memuatkan pandangan dunia masyarakat Kadazandusun. Ritual ini berfungsi sebagai manual budaya yang memberi tunjuk ajar mengenai kematian, hubungan manusia dan roh, batas alam, serta cara mengekalkan keseimbangan kosmologi. Melalui pengucapannya, masyarakat bukan sahaja menyempurnakan kewajipan spiritual terhadap si mati, tetapi juga memperkukuh solidariti sosial, memperbaharui identiti kolektif, dan memindahkan pengetahuan kebudayaan kepada generasi muda. Justeru, *Papakan Monginturu Tadau* merupakan wahana penting dalam mengekalkan kesinambungan budaya, memperkukuh struktur sosial, dan menyatakan penghormatan terakhir dalam komuniti Kadazandusun yang menjadikannya ritual hidup dan relevan walaupun berhadapan dengan perubahan zaman.

Gambar 1. Makanan Yang Diberikan Kepada Si Mati Sebagai Tanda Perpisahan



Sumber: Koleksi keluarga si mati dengan izin Puan Loihin Gadul.

Gambar 2. Ahli Keluarga Dan Penduduk Kampung Yang Hadir



Sumber: Koleksi keluarga si mati dengan izin Puan Loihin Gadul.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun di Kampung Toboh Laut memainkan peranan penting dalam mengekalkan perpaduan komuniti. Penghormatan yang diberikan oleh seluruh penduduk kampung melalui amalan pantang tujuh hari yang mencerminkan nilai solidariti kolektif dan penghargaan terhadap jasa serta sumbangan si mati semasa hayatnya.

Antara amalan yang telah disepakati dan diwarisi sejak turun-temurun termasuklah larangan melakukan sebarang aktiviti pertanian seperti turun ke kebun, mengerjakan sawah, atau membersihkan kawasan tanaman sepanjang tempoh pantang. Kepercayaan tradisi masyarakat pengamal ini menyatakan bahawa ritual ini mampu mengundang musibah jika dilanggar. Larangan ini bukan hanya bersifat simbolik, tetapi turut mencerminkan rasa hormat mendalam terhadap roh si mati dan nilai kesejahteraan bersama dalam komuniti.

Selain itu, kematian juga menjadi momen penting untuk mempereratkan hubungan kekeluargaan. Dalam tempoh pantang, ahli keluarga terdekat akan menetap di rumah si mati, dan suasana ini dimanfaatkan untuk mengeratkan semula hubungan antara sanak saudara yang telah lama terpisah akibat pekerjaan atau penghijrahan. Victor Turner (1969) menyifatkan situasi seperti ini sebagai

communitas, iaitu keadaan sementara yang mengatasi hierarki sosial disebabkan oleh rasa empati yang seterusnya menjadi keterikatan emosi antara anggota komuniti. Dalam fasa peralihan seperti ini, hubungan antara individu menjadi lebih mendalam dan bersifat setara sekaligus menyuburkan rasa kebersamaan dan kekitaan yang jitu.

Menurut perspektif Durkheim (1995), kematian merupakan satu peristiwa sosial yang mengukuhkan kohesi sosial melalui ritual kolektif. Dalam konteks masyarakat Kadazandusun, penyertaan aktif seluruh komuniti dalam upacara kematian berfungsi sebagai mekanisme sosial untuk mempertahankan hubungan antara individu dan kumpulan serta memelihara kelangsungan nilai warisan kebudayaan. Justeru, amalan kematian dalam masyarakat Kadazandusun bukan hanya berperanan sebagai penghormatan terakhir kepada si mati, tetapi juga sebagai medan penting untuk mempererat perpaduan sosial, menyuburkan empati kolektif, dan memperkuat ikatan kekeluargaan serta identiti kebudayaan komuniti tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan gambaran mendalam mengenai peranan penting ritual kematian dalam masyarakat Kadazandusun. Ritual seperti *Papakan Monginturu Tadau* bukan sahaja berfungsi sebagai medium penghormatan dan perpisahan dengan si mati, tetapi juga sebagai instrumen penting dalam memperkuat ikatan sosial dan solidariti komuniti. Melalui pantang larang dan amalan gotong-royong, masyarakat menzahirkan nilai kekeluargaan, kerjasama, dan penghargaan terhadap warisan budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Di tengah-tengah arus pemodenan dan perubahan sosial, amalan tradisional ini terus mengekalkan relevansi dan kekuatannya sebagai elemen perpaduan yang menyokong kesejahteraan sosial dan spiritual. Kajian ini seterusnya menyumbang kepada bidang etnografi dan kajian budaya dengan memperlihatkan bagaimana ritual kematian mampu menjadi wahana kelangsungan identiti dan warisan lisan masyarakat Kadazandusun.

Selain itu, dokumentasi ritual ini bukan sahaja penting bagi tujuan akademik, tetapi juga bermanfaat sebagai sumber pendidikan budaya kepada generasi muda agar tidak terputus daripada akar tradisi. Implikasi kajian ini turut menegaskan keperluan dialog antara tradisi dan pemodenan supaya ritual sebegini dapat dipelihara tanpa menghalang pembangunan sosial masyarakat. Akhirnya, kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang membandingkan peranan ritual kematian Kadazandusun dengan etnik lain di Sabah atau di rantau Asia Tenggara khususnya dalam konteks perubahan budaya akibat globalisasi. Hal ini penting bagi memastikan warisan budaya tidak hanya menjadi memori, tetapi terus hidup dan berfungsi dalam membentuk jati diri serta perpaduan masyarakat pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh penduduk Kampung Toboh Laut, khususnya Puan Tinggayen Godsung, serta semua pihak yang terlibat dalam proses pengumpulan data kajian ini. Pengkaji juga berterima kasih kepada keluarga Puan Loihin Gadul atas kesudian membenarkan penggunaan gambar semasa upacara tersebut dijalankan sebagai sebahagian daripada dokumentasi kajian. Selain itu, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia atas tunjuk ajar, bimbingan, dan sokongan yang diberikan sepanjang penulisan ini.

RUJUKAN

- Abdul Karim. (2017). Makna Ritual Kematian Dalam Tradisi Islam Jawa. *Sabda: Jurnal Kajian Kebudayaan*, 12(2), 161-171. <https://doi.org/10.14710/sabda.12.2.161-171>
- Iqbal Mustofa Fathurrahman. (2024). *Makna simbolik prosesi ritual perawatan jenazah dalam Islam dan Katolik (studi komparatif)* [Disertasi doktor falsafah, UIN Raden Intan Lampung].
- Baiduri, R. (2020). *Review Sejarah dan Pertumbuhan Teori Antropologi Budaya Jilid I (J. van Baal). Dalam Teori-Teori Antropologi (Kebudayaan)* (hal. 81–99). Yayasan Kita Menulis.
- Couderc, P. (2007). *Les rites de la mort à Bornéo : séparation ou renaissance ? Actualité de Robert Hertz*. Moussons. <https://doi.org/10.4000/moussons.1837>
- Durkheim, É. (1995). *The elementary forms of the religious life*. Free Press.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2021). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian* (Edisi ke-3). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Halina Sendera Mohd Yakin. (2017). Pengaruh budaya tradisi dan islam dalam evolusi adat dan ritual kematian komuniti Bajau. *Akademika*, 87(3), 15-25. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8703-03>
- Sri Rahayu Nengsih. (2021). *Tradisi papat dalam adat kematian di Kecamatan Teupah Tengah Kabupaten Simeulue* [Skripsi sarjana muda, UIN Ar-Raniry].
- Hertz, R. (1960). *Death and the Right Hand*. London: Cohen & West.
- Kamirudin, K. (2017). Agama dan solidaritas sosial: Pandangan Islam terhadap pemikiran sosiologi Émile Durkheim. *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 5(1), 70–83. <https://doi.org/10.24014/af.v5i1.3768>
- Liamputtong, P., Shamsuddin Ahmad, & Haliza Mohd Riji. (2009). *Kaedah penyelidikan kualitatif (Edisi Ke-3)*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Esperanza Ayu Viana Hoar Nahak, Nyoman Dewi Pebryani, & Ni Kadek Yuni Diantari (2023). Rambu Solo: Upacara adat kematian di Tana Toraja sebagai inspirasi koleksi busana. *Bhumidevi: Journal of Fashion Design*, 3(2). <https://doi.org/10.59997/bhumidevi.v3i2.2825>
- Farah Alya, I Nyoman Cau Arsana, & Joko Tri Laksono. (2024). *Genikng Niti dalam upacara adat kematian Suku Dayak Tunjung Rentenukng Desa Linggang Muara Batuq Kabupaten Kutai Barat*. *Selonding*, 20(1). <https://doi.org/10.24821/sl.v20i1.7677>
- Putri Maulida, Tri Supadmi, & lindawati Lindawati. (2023). Kajian filosofi motif ragam hias pada perangkat adat kematian di Desa Alue Tho, Kecamatan Seunagan, Kabupaten Nagan Raya. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Sendratasik*, 8(1). <https://doi.org/10.24815/sendratasik.v8i1.26276>
- Alda Nadia Ciptaningrum, Alfifachri Bilfi Arzan, Aqilla Nur Fadia, Dilla Wirmaningsih, Putri Erianti, Ristia Aisyah, Priyanti, Ardian Khairiah, & Des M. (2022). Etnobotani Tanaman Pada Ritual Kematian di Perkampungan Budaya Betawi Setu Babakan. *Prosiding Seminar Nasional Biologi*, 2(1), 126–138. <https://doi.org/10.24036/proseminasbio/vol2/376>
- Iip Sarip Hidayana & Rufus Goang Swaradesy. (2021). Pemaknaan Permainan Rakyat Pada Ritual Kematian Rambu Solo' Di Kampung Adat Ke'Te' Kesu' Kabupaten Toraja Utara Provinsi Sulawesi Selatan. *Panggung*, 31(2). <https://doi.org/10.26742/panggung.v31i2.1574>
- Katharina Kojang, Melkior Kian & Agustinus R.A. Elu. (2023). Makna psikologis musik gong waning dalam ritual adat kematian masyarakat Hewokloang Kabupaten Sikka. *Keteg: Jurnal Pengetahuan, Pemikiran, dan Kajian Tentang Bunyi*, 23(1), 1–12. <https://doi.org/10.33153/keteg.v23i1.5083>
- Turner, V. (1969). *The Ritual Process: Structure and Anti-Structure*. Chicago: Aldine Publishing.
- Van Gennep, A. (1960). *The Rites of Passage*. London: Routledge & Paul.

Temu bual

Tinggayan Godsung. (2025, 13 Februari). *Papakan Monginturu Tadau di Kampung Toboh Laut* [Temu bual]. Kampung Toboh Laut, Sabah.